

Memorandum Pertubuhan-Pertubuhan Cina

**Kehendak Untuk Mengekalkan Sekolah Pelbagai Aliran Dan
Membangunkannya Secara Adil**

Kepada

**Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia**

Daripada

**Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
Malaysia Seven Major Clans Association
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia
Gabungan Alumni Universiti Taiwan Malaysia
Nanyang University Alumni Association Of Malaya**

16 November 2009

Memorandum Pertubuhan-Pertubuhan Cina Kepada YAB Dato' Sri Perdana Menteri

Kehendak Untuk Mengekalkan Sekolah Pelbagai Aliran Dan Membangunkannya Secara Adil

1. PENDAHULUAN

Kebelakangan ini, beberapa orang ahli akademik, ahli Parlimen dan pemimpin kerajaan mengemukakan kenyataan yang menyokong pelaksanaan sistem pendidikan sekolah satu aliran. Kenyataan-kenyataan ini telah menimbulkan kontroversi dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Pada 22 Oktober 2009, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menyatakan bahawa sistem pendidikan yang mengamalkan sekolah pelbagai aliran ketika ini tidak membantu rakyat menyelami makna sebenar gagasan 1Malaysia. Beliau berpendapat bahawa sekolah pelbagai aliran yang sedia ada merupakan peninggalan penjajah yang tidak mampu mewujudkan sebuah negara bangsa yang benar-benar bersatu padu. Oleh itu, sistem pendidikan negara perlu disusun semula termasuk melaksanakan sekolah satu aliran bagi memastikan matlamat gagasan 1Malaysia tercapai.

Pada 28 Oktober 2009, ketika membahaskan Bajet 2010 dalam sidang Dewan Rakyat, beberapa orang ahli Parlimen dari parti-parti komponen Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, antaranya termasuk Hamim Samuri (BN-Ledang), Datuk Ab. Halim Ab. Rahman (PAS-Pengkalan Chepa) dan Tony Pua Kiam Wee (DAP-Petaling Jaya Utara) mengemukakan pandangan yang menyokong pelaksanaan sekolah satu aliran di peringkat sekolah menengah.

Pada 29 Oktober 2009, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin menyatakan bahawa beliau menyokong cadangan pelaksanaan sekolah satu aliran kerana selaras dengan gagasan 1Malaysia.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan, mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain. Maka, sejak negara kita mencapai kemerdekaan, setiap rakyat Malaysia telah diberi hak untuk memilih

mana-mana aliran pendidikan yang mereka kehendaki. Berdasarkan hakikat ini, kami bersetuju dengan pandangan YAB Dato' Sri Perdana Menteri bahawa mengubah dasar pendidikan pelbagai aliran yang sedia ada akan mencetuskan ketegangan dalam hubungan antara kaum, perbuatan ini langsung tidak membantu dalam usaha memupuk perpaduan negara. Padahal yang penting sekali, sebarang perubahan terhadap sistem pendidikan harus mengambil kira hak rakyat untuk memilih pendidikan mana-mana aliran.

Maka, kami selaku pertubuhan-pertubuhan Cina utama di negara ini dengan tulus ikhlasnya mengemukakan memorandum ini untuk menyuarakan pendirian majoriti masyarakat Cina yang membantah secara tegasnya pelaksanaan sekolah satu aliran, dan berpegang teguh bahawa sekolah-sekolah pelbagai aliran yang sedia ada harus dikekalkan dan dibangunkan secara adil.

2. PANDANGAN KAMI

2.1. Membantah Tegas Pelaksanaan Sistem Pendidikan Sekolah Satu Aliran

Negara kita merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, budaya, bahasa, aliran pendidikan dan agama. Sehubungan itu, negara kita mempunyai sekolah pelbagai aliran yang menggunakan bahasa pengantar yang berbeza. Padahalnya, kewujudan dan perkembangan sekolah pelbagai aliran telah memperkayakan ciri-ciri masyarakat kita yang berbilang bangsa serta merupakan aset dan kelebihan negara kita.

Rukun Negara memperakukan hakikat ini dan menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak. Jelas sekali, dalam konteks Rukun Negara, masyarakat berbilang bangsa bukan faktor yang menghalang kemajuan negara, sebaliknya kepelbagaian budaya dan bahasa masyarakat berbilang bangsa merupakan aset dan kelebihan negara kita.

Seksyen 28 yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 menyatakan bahawa: "Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu". Justeru itu, sekiranya ada pihak yang memandang dan mengendali isu-isu berkaitan dengan bangsa, budaya, bahasa, pendidikan dan agama dari sudut *unilateral*, tentunya akan menimbulkan kontradiksi yang serius sehingga berlakunya perbalahan. Maka, pengakuan dan penerimaan semua pihak terhadap ciri-ciri kepelbagaian masyarakat negara kita merupakan prasyarat untuk

mencapai perpaduan rakyat.

Sekiranya sekolah satu aliran dilaksanakan, ini bermakna sekolah pelbagai aliran yang sedia ada akan dilupuskan pada akhirnya. Ini bertentangan dengan Rukun Negara, bukan sahaja tidak dapat menyatupadukan rakyat, malah memecahbelahkan rakyat, dan sekaligus menghancurkan sekolah pelbagai aliran yang merupakan aset dan kelebihan kita, langsung tidak memberi manfaat kepada kestabilan dan pembangunan Negara.

Kami menegaskan bahawa pendidikan bahasa ibunda merupakan pendidikan yang paling terus dan berkesan kepada sasarannya. Pendidikan bahasa ibunda seharusnya diperkembangkan ke tahap yang lebih tinggi dengan sedaya-upaya. Keunggulan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menjadi amalan secara umum di seluruh dunia.

Mesyuarat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1951 telah memutuskan bahawa: "Penggunaan bahasa ibunda harus dilanjutkan ke suatu tahap pendidikan setinggi yang mungkin. Khususnya, murid-murid harus memulakan persekolahan mereka dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar." Selain itu, Perkara 26 (3) yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sedunia 1948 juga menyatakan bahawa: "Para ibu bapa mempunyai hak keutamaan untuk memilih jenis pendidikan yang ingin diberikan kepada anak-anak mereka."

Memandangkan kepelbagaian masyarakat merupakan realiti negara kita, lebih-lebih lagi pendidikan bahasa ibunda adalah hak asasi manusia, maka kami membantah pelaksanaan sekolah satu aliran, dan menegaskan bahawa dasar pendidikan negara harus mengambil kira hak rakyat yang bebas memilih mana-mana aliran sekolah dan juga berpegang teguh supaya sistem sekolah pelbagai aliran yang sedia ada terus dikekalkan dan dibangunkan secara adil.

2.2. Sekolah Pelbagai Aliran ialah Aset Dan Kelebihan Daya Saingan Negara

Amalan kepelbagaian dan keterbukaan merupakan trend utama dunia sejagat pada masa kini, terutamanya negara-negara Asia Tenggara telah membuat pengubahsuaian terhadap dasar pendidikan mereka untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa supaya meningkatkan daya saing negara.

Sehubungan itu, keunikan kepelbagaian negara kita, iaitu mempunyai ciri-ciri yang terbentuk daripada Tamadun Islam, China, India dan Barat dan berserta dengan pelaksanaan pendidikan pelbagai aliran yang telah sampai ke suatu tahap pencapaian yang cukup membanggakan, kesemua ini merupakan kelebihan negara kita untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan memperkukuhkan kekuatan negara supaya meletakkan negara kita pada kedudukan yang lebih baik semasa menghadapi cabaran globalisasi dan persaingan dunia.

Oleh itu, kerajaan dan semua pihak harus menghargai dan bersama-sama membangunkan sekolah pelbagai aliran untuk menjanakan modal insan serta memanfaatkan kelebihan masyarakat majmuk kita untuk memupuk perpaduan rakyat, keharmonian sosial serta kemakmuran dan kemajuan negara.

2.3. Keadilan Untuk Semua Rakyat dan Semua Aliran Sekolah

Yang Amat Berhormat Dato' Sri beriltizam untuk menjadi seorang Perdana Menteri untuk semua rakyat, memperkenalkan gagasan 1Malaysia untuk mentadbirkan negara kita dengan konsep adil kepada semua bangsa dan juga menyatakan bahawa pelbagai aliran sekolah yang sedia ada semuanya berada dalam arus perdana sistem pendidikan dan merupakan kelebihan negara. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan memperakui layanan yang samarata kepada semua rakyat tanpa perbezaan bangsa, bahasa dan budaya ialah dasar yang memenuhi realiti masyarakat majmuk negara kita.

Maka, kami menyeru YAB Dato' Sri Perdana Menteri menubuhkan satu "Jawatankuasa Khas Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Negara" yang bertujuan mengkaji semula akta-akta dan dasar-dasar pendidikan sedia ada yang tidak munasabah dan ketinggalan zaman, supaya diubahsuai atau digantikan dengan akta-akta dan dasar-dasar baru untuk memastikan pendidikan bahasa ibunda semua bangsa diberi layanan samarata, terutamanya semua aliran sekolah dibangunkan secara adil dan sistematik supaya merealisasikan matlamat negara maju yang mempamerkan semangat kepelbagaian dan kesamarataan.

3. PENUTUP

Dalam arus perdana perkembangan dunia masa kini, dasar pendidikan negara harus menuju ke landasan yang menampilkan kepelbagaian, demokrasi dan keterbukaan, tetapi bukan terus mengongkongan diri dalam minda pendidikan satu aliran yang sempit dan konservatif. Begitu juga kerajaan dan setiap warga negara harus maju bersama serentak dengan perkembangan dunia, supaya isu kewujudan dan pembangunan pendidikan bahasa ibunda semua bangsa dipandang dari sudut kepelbagaian, demokrasi dan keterbukaan untuk merealisasikan matlamat gagasan 1Malaysia yang menjamin layanan samarata kepada semua bangsa supaya bersama-sama membangunkan pendidikan negara secara holistik dan seterusnya memastikan kemakmuran dan kemajuan negara.

Pertubuhan-Pertubuhan Yang Menandatangani Memorandum:

1. Dr. Yap Sin Tian, DBA(SCU)
Pengerusi,
Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
(Dong Zong).

2. Ong Chiow Chuen AMN, PPN, PMC, PJK
Pengerusi,
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong).

3. Lau Chee Boon
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Sumber Manusia,
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong).

4. Dato' Koong Heng Sze
Pengerusi,
Malaysia Seven Major Clans Association.

5. Tan Pong Soo
Pemangku Pengerusi,
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia

6. Yau Teck Kang
Pengerusi,
Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia.

7. Low Hing King
Pengerusi,
Nanyang University Alumni Association Of Malaya.

Salinan Memorandum Kepada Parti-Parti Politik Berikut:

1. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

2. Parti Persatuan China Malaysia (MCA)
3. Parti Kongres India Malaysia (MIC)
4. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)
5. Parti Progresif Penduduk (PPP)
6. Parti Keadilan Rakyat (PKR)
7. Parti Tindakan Demokratik (DAP)
8. Parti Islam SeMalaysia (PAS)